

08 SEP 1999

Mahathir-Sabah

DR MAHATHIR RASMI KEJOHANAN LARIAN GUNUNG SEDUNIA KE-15

KOTA KINABALU, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempunyai aturcara sibuk sepanjang lawatan kerja dua hari beliau ke Sabah pada 17 dan 18 Sept.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata selain aturcara di ibu negeri, Perdana Menteri turut dijadual menghadiri acara di Lahad Datu yang terletak di pantai timur negeri ini dan di Kundasang, Ranau, 80km dari sini.

Dr Mahathir dijadual tiba di Tawau dari Labuan pada pagi 17 Sept dan terus ke Lahad Datu dengan helikopter untuk merasmikan ladang Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di Bagahak, 70km dari pekan itu.

"Dari sana beliau akan kembali ke Tawau untuk menunaikan solat Jumaat sebelum menghadiri majlis makan tengah hari dengan pemimpin tempatan di Tawau," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di sini.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan ke Kota Kinabalu untuk mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah sebelum makan malam bersama pemimpin masyarakat.

Keesokan harinya, beliau akan ke Taman Kinabalu di Kundasang untuk merasmikan Trofi Larian Gunung Sedunia Ke-15 yang akan diadakan buat kali pertama di Malaysia.

Kejohanan itu, yang akan dilepaskan pada 19 Sept, disertai pendaki gunung terhandal dunia termasuk juara bertahan Jonathan Wyatt dari New Zealand manakala cabaran Malaysia pula diketuai pelari jarak sederhana M Ramachandran dan Yuan Yufang.

Selepas acara di Kundasang, beliau akan berlepas ke Tuaran, 40km dari sini untuk menghadiri majlis makan tengah hari dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Ia diikuti dengan syarahan perdana pada Konvensyen Pemuda BN juga di Tuaran sebelum berlepas ke Kuala Lumpur pada sebelah petang, kata Osu.

Sementara itu, Perdana Menteri akan turut berada di Labuan pada 16 Sept untuk berjumpa dengan penduduk dan pemimpin di pulau bebas cukai itu serta merasmikan kampus cawangan UMS Labuan.

-- BERNAMA

JS NMO